



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 MAC 2024 (KHAMIS)

RM129 Juta dibuang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	1 & 2	21 Mac

Perbelanjaan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara tidak berbaloi **RM129 juta dibuang**

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kos RM129 juta yang dibelanjakan kerajaan bagi Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) Fasa 1 tidak berbaloi kerana gagal berfungsi dengan berkesan.

Program tersebut didapati tidak 100 peratus tepat dalam ketetapan aras air banjir dan ra-

malan berhubung bila serta di mana berlakunya bencana itu yang dikenali sebagai HIT.

ia dilaksanakan di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang kini dikenali sebagai Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Dapatan itu dibentangkan selepas Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengadakan prosiding pada 16 Januari


lalu dengan memanggil tiga saksi.

Mereka ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dr. Ching Thoo A/L Kim; Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ahmad Anuar Othman dan Pengarah Kanan Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr. Fariza Yunus.

Pengerusi PAC, Datuk Mas


Ermieyati Samsudin berkata, walaupun jumlah keseluruhan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) telah dibayar melalui pemotongan bayaran kemajuan kontraktor, kelewatan bagi pemasangan sistem PRAB tidak sepatutnya berlaku kerana ia menjejaskan kehidupan sosial serta ekonomi rakyat yang terkesan dengan banjir.

Bersambung di muka 2



Panas melampau

SEORANG penternak di Pokok Sena memandikan sebahagian lembu ternakannya berikutan cuaca panas melampau yang mencatatkan suhu antara 37 sehingga 40 darjah celsius di beberapa kawasan di Kedah, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN (Berita di muka 32)



KEJADIAN kepala air di Gunung Jerai, Yan, Kedah, tiga tahun lalu meragut enam nyawa dan menjejaskan ribuan rumah, premis dan chalet pelancongan yang mendorong kerajaan memasang sistem amaran di situ. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

RM129 juta dibuang

Dari muka 1

“Dalam prosiding yang diadakan, PAC dimaklumkan bahawa anggaran jumlah yang diperuntukkan bagi pembangunan PRAB Fasa 1, 2 dan Fasa 3 adalah RM1.065 bilion. Atas sebab itu, PAC mahu baki pembangunan bagi PRAB Fasa 2 dan 3 disiapkan mengikut masa, kos, kualiti serta peruntukan ditetapkan.

“Ia sekali gus merealisasikan matlamat PRAB iaitu menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam,” katanya semalam.

Utusan Malaysia pernah melaporkan sistem amaran awal bencana (EWS) di negara ini lemah dan gagal mengesan bencana lebih awal seperti banjir besar yang berlaku sekarang dan semasa tsunami banjir pada 2014.

Mas Ermieyati berkata, PAC dimaklumkan bahawa anggaran jumlah yang diperuntukkan bagi Pembangunan PRAB Fasa 1, 2 dan Fasa 3 adalah RM1.065 bilion.

Justeru, beliau menegaskan, PAC mahu baki pemba-

ngunan bagi PRAB Fasa 2 dan 3 disiapkan mengikut masa, kos, kualiti serta peruntukan yang ditetapkan.

Menurut beliau, berdasarkan prosiding yang diadakan, PAC Parlimen membuat tujuh rumusan antaranya berhubung kelemahan dalam pengurusan projek hingga menyebabkan kelewatan kerja di Lembaga Sungai Kelantan dan Terengganu sebanyak 1,829 hari.

Katanya, kerja-kerja di Lembaga Sungai Pahang pula mengalami kelewatan sebanyak 1,836 hari.

“Selain itu, penaiktarafan rangkaian 3G ke 4G di bawah Program Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) menyebabkan berlaku masalah penghantaran data dari stesen ke *gateway* yang tergantung melebihi tempoh tiga bulan berturut-turut kerana kontrak PRAB yang menggunakan rangkaian semasa iaitu 2G atau 3G.

“Malah, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui JPS telah menaik taraf Remote Terminal Unit (RTU) menggunakan liputan komunikasi 4G di 39 stesen daripada 118 stesen bagi mena-

ngani isu kelewatan penerimaan data dan isu data tidak diterima.

“Kos PRAB Fasa 2 yang asalnya berjumlah RM385 juta meningkat kepada RM522 juta berikutan penambahan sistem siren, kamera web dan Program Communication, Educational and Public Awareness (CEPA),” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kelemahan kontrak PRAB yang tidak memasukkan klausa ‘kenaan denda’ mengakibatkan penyelenggaraan pencegahan tidak dilaksanakan.

“Walaupun PRAB Fasa 1 menelan belanja RM129 juta, ia masih tidak efektif dari segi hebahan amaran banjir kepada masyarakat memandangkan medium digunakan sebagai hebahan tidak selaras dengan peredaran masa yang memerlukan penyaluran maklumat lebih pantas seperti Commercial Mobile Alert System (CMAS).

“Pencapaian ketepatan Ramalan Amaran Banjir mengikut kawasan atau ‘HIT’ yang rendah iaitu 5.6 peratus adalah tidak mencapai sasaran sebagaimana dikehendaki di dalam PRAB yang memakan belanja RM129 juta,” katanya.

Kastam Bongkar Sindiket Ayam Gunting Seludup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	17	21 Mac



SEBAHAGIAN produk ayam gunting yang dirampas pihak kastam di Machang Isnin lalu selepas didapati diseludup dari Siam melalui Sungai Golok untuk mengelak cukai.

Kastam bongkar sindiket ayam gunting seludup

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

KOTA BHARU – Kegiatan haram sebuah syarikat yang menyeludup produk ayam gunting dari Siam sebelum dijual kepada orang ramai sejak beberapa tahun lalu terbongkar apabila diserbu pihak berkuasa dalam operasi di sebuah premis di Machang dekat sini Isnin lalu.

Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, serbuan pada pukul 9 pagi itu berjaya merampas enam tan atau 400 peketa ayam beku seludup bernilai

RM126,000 yang disimpan di premis tersebut.

Katanya, serbuan dilakukan selepas Cawangan Risikan Zon Timur, Pasukan Operasi Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang, Kastam Kelantan menerima maklumat berhubung kegiatan tersebut.

“Siasatan mendapati, sindiket menyeludup ayam beku melalui Sungai Golok sebelum dibawa ke pangkalan haram. Ia kemudian diangkut menggunakan kenderaan dan disimpan di premis-premis penyimpanan.

“Nilai cukai yang dielak sebanyak RM36,000 dan kita turut

menahan seorang pekerja syarikat itu untuk membantu siasatan,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurut Wan Jamal Abdul Salam, ayam-ayam sejuk beku itu kemudian akan digunakan untuk pengeluaran produk ayam gunting syarikat tersebut.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai membantu kastam memerangi dan tidak terlibat dengan jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah dan kenderaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Cuaca Panas: Penternak, Petani Ambil Langkah Waspada

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	21 Mac



Cuaca panas dengan suhu mencecah 37 hingga 40 darjah Celsius di negeri ini memaksa penternak dan pesawah lebih berhati-hati dalam menjalankan aktiviti penternakan serta pertanian. - Gambar hiasan/Astro AWANI

ALOR SETAR: Cuaca panas dengan suhu mencecah 37 hingga 40 darjah Celsius di negeri ini memaksa penternak dan pesawah lebih berhati-hati dalam menjalankan aktiviti penternakan serta pertanian.

Bagi penternak lembu, Mahadi Hasan, 45, keadaan cuaca panas yang melampau khususnya pada tengah hari menyebabkannya perlu memberi tumpuan yang lebih dalam soal penjagaan haiwan berkenaan.

"Keadaan panas sekarang

menyebabkan saya perlu memandikan lembu-lembu dua kali sehari. Saya juga perlu pastikan ternakan tidak terdedah terlalu lama terhadap cuaca panas dan bawa ke tempat teduh.

"Kalau sebelum ini, lembu-lembu hanya mandi sekali pada waktu petang, tapi dalam cuaca panas ini perlu dimandikan dua kali sehari, pada 11 pagi dan pada petang," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Mati, Langgar dekat sini hari ini.

Mahadi berkata dia juga perlu sentiasa memastikan lembu-lembunya mendapat bekalan air yang mencukupi dan kekal hidrasi bagi mengelak sebarang situasi yang mengancam kesihatan ternakannya.

Dia juga perlu mengeluarkan belanja yang lebih bagi menyediakan makanan seimbang dan berkualiti untuk ternakannya memandangkan cuaca panas ketika ini turut menyebabkan rumput-rumput di kawasan ragut menjadi layu dan kering.

Sementara itu, pesawah Mohd Shukri Shafie, 62, berkata suhu panas yang tinggi sejak tiga bulan lepas menyebabkannya terpaksa mengehendkan aktiviti tanaman padi.

Menurut Mohd Shukri jika sebelum ini dia boleh bekerja hingga ke petang, namun dalam keadaan cuaca panas sekarang ini aktiviti di sawah hanya dapat dilakukan hingga 11 pagi atau 12 tengah hari sahaja.

"Pengeluaran hasil beras juga nampak berkurangan sedikit pada musim panas ini. Selain keadaan pokok padi jadi layu dan kering, serangga perosak dan penyakit mudah menyerang pokok padi," katanya.

Selain itu, katanya cuaca panas turut menjejaskan bekalan air ke kawasan sawah sehingga mengganggu aktiviti tanaman di kawasan sawahnya yang berkeluasan kira-kira 4.3 hektar di Kampung Limbong.

Semalam, Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) memaklumkan gelombang haba berlaku di seluruh Perlis dan Pokok Sena, Kedah apabila bacaan suhu yang diklasifikasikan sebagai Tahap 2 direkodkan.

Gelombang haba atau Tahap 2 berlaku apabila suhu maksimum harian mencecah 37 hingga 40 darjah Celcius untuk sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut di sesuatu kawasan.

Menurut MetMalaysia terdapat 26 kawasan di Semenanjung berada pada tahap berjaga-jaga (Tahap 1) iaitu di Kedah melibatkan Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Baling, Kuala Muda, Pendang dan Kota Setar, sementara di Pulau Pinang melibatkan kawasan Timur Laut, dan Perak pula melibatkan Kampar, Kuala Kangsar dan Kinta.-[ASTROAWANI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR